



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PERATURAN BOLA SEPAK PENALTI

1.0 NAMA

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

2.0 PERATURAN PERMAINAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

4.0 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

5.0 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

5.1 Pertandingan Individu/Berpasukan

BILANGAN PEMAIN	PEMAIN	PEGAWAI
Manimum	5	2
Maksimum	6	

- 1.1 **Borang Pendaftaran Pasukan** yang telah disahkan hendaklah dihantar **selewat-lewatnya 3 hari sebelum kejohanan bermula** ke Seksyen Pengeloaan Sukan, Pusat Sukan, Universiti Putra Malaysia.
- 5.2 Pemain hendaklah mendaftar di meja pendaftaran 15 minit sebelum setiap perlawanan dimulakan.
- 5.3 Hanya pemain-pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran pasukan sahaja dibenarkan bermain dalam kejohanan ini.
- 5.4 Tidak dibenarkan membuat pertukaran pemain selepas perlawanan dimulakan.

6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

- 7.1 Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.
- 7.2 Wajib mengenakan pakaian sukan, bernombor dan berkasut. Penganjur berhak menghalang pemain dari menyertai kejohanan jika tidak mematuhi arahan berkenaan.
- 7.3 Peralatan seperti bola dan "bib" akan disediakan oleh penganjur. Selain peralatan yang tidak dinyatakan, adalah menjadi tanggungjawab pasukan/gabungan masing-masing.

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Setiap gabungan **wajib** menghantar empat (4) pasukan. Jumlah pasukan yang akan menyertai sebanyak 32 pasukan
- 8.2 Setiap gabungan boleh mendaftar minimum lima (5) orang pemain dan maksimum enam (6) orang pemain setiap pasukan. Pengurus dan jurulatih dibenarkan untuk mendaftar sebagai pemain.
- 8.3 Seorang pemain hanya boleh mengambil satu (1) sepakan sahaja bagi setiap perlawanan.

- 8.4 Pada pusingan liga, setiap pasukan perlu menghabiskan lima (5) sepakan dalam peringkat kumpulan.
- 8.5 Penjaga gawang (*goalkeeper*) boleh bergilir dalam kalangan pemain sepasukan.
- 8.6 Johan dan naib johan kumpulan akan layak keperingkat kalah mati.
- 8.7 Pada Pusingan Kalah mati, tambahan satu sepakan akan diberi kepada kedua-dua pasukan bertanding.
- 8.8 Jika masih seri, lentingan syiling akan dilakukan oleh pegawai perlawanan. Pasukan yang memenangi lentingan syiling boleh memilih samada mengambil tengangan atau bertahan. Jika jaringan dapat dilakukan, pasukan tersebut dikira sebagai pemenang namun jika jaringan tidak dapat dilakukan, pihak lawan akan dikira pemenang.

9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

9.1 Secara liga

9.1.1 Cara memberi mata

- Menang - 3 mata
- Seri - 1 mata
- Kalah - 0 mata

9.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan memperoleh mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :

- 9.1.2.1 Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol akan dikira pemenang
- 9.1.2.2 Jika masih sama, pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol dikira pemenang
- 9.1.2.3 Jika masih sama, pasukan yang telah mengalahkan pasukan lawannya dalam perlawanan awal dikira pemenang.

9.2 Pusingan kedua, suku akhir, separuh akhir dan akhir

9.2.1 Perlawanan akan dijakankan secara kalah mati.

10.0 KELEWATAN

Hanya **15** minit sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu, pihak lawanya akan diberikan kemenangan.

11.0 MENARIK DIRI

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

12.0 BANTAHAN

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

14.0 HADIAH

Rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.

15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Universiti Putra Malaysia.